



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

Assalamualaikum wbt dan Salam Sejahtera,

YB Menteri/ YB Timbalan Menteri /YBhg. Datuk Dr./ YBhg. Datuk /YBhg. Dato'/YBrs. Dr./Tuan/Puan, pemantauan media KPWKM pada 27 September 2024.

**Disediakan oleh,  
Unit Komunikasi Korporat  
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat**

BI L	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1.	<b>Kabinet Bincang Nasib Anak Asuhan GISBH Minggu Depan</b>  <a href="https://www.malaysiakini.com/news/720636#google_vignette">https://www.malaysiakini.com/news/720636#google_vignette</a>  <a href="https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2024/09/26/cabinet-to-review-proposal-on-gisbh-children-next-week/">https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2024/09/26/cabinet-to-review-proposal-on-gisbh-children-next-week/</a>  <a href="https://www.nst.com.my/news/nation/2024/09/1111251/cabinet-address-welfare-children-rescued-gisbh-next-week">https://www.nst.com.my/news/nation/2024/09/1111251/cabinet-address-welfare-children-rescued-gisbh-next-week</a>  <a href="https://www.malaysiakini.com/news/720658">https://www.malaysiakini.com/news/720658</a>  <a href="https://www.kosmo.com.my/2024/09/26/kpwkm-bawa-cadangan-nasib-572-anak-asuhan-gisbh-minggu-depan/">https://www.kosmo.com.my/2024/09/26/kpwkm-bawa-cadangan-nasib-572-anak-asuhan-gisbh-minggu-depan/</a>	Malaysia Kini  FMT  NST  Malaysia Kini  Kosmo	Neutral
2.	<b>Banjir Di Kedah Makin Pulih, 1, 885 Mangsa Di PPS</b>  <a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/09/1137796/banjir-di-kedah-makin-pulih-1-885-mangsa-di-pps">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/09/1137796/banjir-di-kedah-makin-pulih-1-885-mangsa-di-pps</a>  <a href="https://www.sinarharian.com.my/article/687782/edisi/utara/hanya-pendang-masih-banjir-dengan-10-pps-aktif">https://www.sinarharian.com.my/article/687782/edisi/utara/hanya-pendang-masih-banjir-dengan-10-pps-aktif</a>  <a href="https://www.bernama.com/radio/news.php?id=2344849">https://www.bernama.com/radio/news.php?id=2344849</a>  <a href="https://www.buletintv3.my/nasional/tiga-lagi-pps-ditutup-mangsa-banjir-di-kedah-berkurangan-kepada-609-orang/">https://www.buletintv3.my/nasional/tiga-lagi-pps-ditutup-mangsa-banjir-di-kedah-berkurangan-kepada-609-orang/</a>	Harian Metro  Sinar Harian  Bernama  Buletin TV3	Neutral

	<a href="https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/banjir-kedah-tiga-lagi-pps-ditutup">https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/banjir-kedah-tiga-lagi-pps-ditutup</a>  <a href="https://www.kosmo.com.my/2024/09/26/banjir-kedah-jumlah-mangsa-tinggal-1639-orang/">https://www.kosmo.com.my/2024/09/26/banjir-kedah-jumlah-mangsa-tinggal-1639-orang/</a>  <a href="https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2024/09/26/mangsa-bah-kedah-tinggal-888/">https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2024/09/26/mangsa-bah-kedah-tinggal-888/</a>  <a href="https://thesun.my/cerita/berita/banjir-di-kedah-makin-pulih-1-885-mangsa-berada-di-pps-AG13043535">https://thesun.my/cerita/berita/banjir-di-kedah-makin-pulih-1-885-mangsa-berada-di-pps-AG13043535</a>  <a href="https://www.thestar.com.my/news/nation/2024/09/26/kedah-floods-seven-relief-centres-closed-number-of-victims-drops-to-888">https://www.thestar.com.my/news/nation/2024/09/26/kedah-floods-seven-relief-centres-closed-number-of-victims-drops-to-888</a>  <a href="https://malaysiapost.com.my/2024/09/26/banjir-di-kedah-makin-pulih-1885-mangsa-berada-di-pps/">https://malaysiapost.com.my/2024/09/26/banjir-di-kedah-makin-pulih-1885-mangsa-berada-di-pps/</a>  <a href="https://www.utusan.com.my/nasional/2024/09/jumlah-mangsa-banjir-tinggal-1508-orang-di-kedah/?utm_source=rss&amp;utm_medium=rss&amp;utm_campaign=jumlah-mangsa-banjir-tinggal-1508-orang-di-kedah">https://www.utusan.com.my/nasional/2024/09/jumlah-mangsa-banjir-tinggal-1508-orang-di-kedah/?utm_source=rss&amp;utm_medium=rss&amp;utm_campaign=jumlah-mangsa-banjir-tinggal-1508-orang-di-kedah</a>	<p>Berita RTM</p> <p>Kosmo</p> <p>FMT</p> <p>The Sun</p> <p>The Star</p> <p>Malaysia Post</p> <p>Utusan</p>	
3.	<p><b>Malaysia Perkasa Lebih 500 000 Usahawan Wanita Melalui Program Kewangan Mikro-Raja Zarith Sofiah</b></p> <p><a href="https://www.bernama.com/bm/ekonomi/news.php/news.php?id=2344775">https://www.bernama.com/bm/ekonomi/news.php/news.php?id=2344775</a></p>	<p>Bernama</p>	Neutral
4.	<p><b>Serangan Gajah: Mangsa Maut Selepas Cedera Di Leher, Dada</b></p> <p><a href="https://www.buletintv3.my/nasional/serangan-gajah-mangsa-maut-selepas-cedera-di-leher-dada/">https://www.buletintv3.my/nasional/serangan-gajah-mangsa-maut-selepas-cedera-di-leher-dada/</a></p>	<p>Buletin TV3</p>	Neutral
5.	<p><b>Banjir: Cucu Selamatkan Nenek 90 Tahun</b></p> <p><a href="https://www.utusan.com.my/berita/2024/09/banjir-cucu-selamatkan-nenek-90-tahun/">https://www.utusan.com.my/berita/2024/09/banjir-cucu-selamatkan-nenek-90-tahun/</a></p>	<p>Utusan</p>	Neutral

6.	<b>Nurhidayah Perkasa Mahasiswa OKU Melalui Kepimpinan</b>  <a href="https://www.buletintv3.my/nasional/nurhidayah-perkasa-mahasiswa-oku-melalui-kepimpinan/">https://www.buletintv3.my/nasional/nurhidayah-perkasa-mahasiswa-oku-melalui-kepimpinan/</a>  <a href="https://www.aksesmalaysia.my/nurhidayah-memperkasa-mahasiswa-oku-di-kampus-melalui-kepimpinan/">https://www.aksesmalaysia.my/nurhidayah-memperkasa-mahasiswa-oku-di-kampus-melalui-kepimpinan/</a>	Buletin TV3  Akses Malaysia	Neutral
7.	<b>OKU Didakwa Edar, Miliki 143 Pokok Ganja Diarah Jalani Pengawasan Mental</b>  <a href="https://www.utusanborneo.com.my/2024/09/26/oku-didakwa-edar-miliki-143-pokok-ganja-diarah-jalani-pengawasan-mental">https://www.utusanborneo.com.my/2024/09/26/oku-didakwa-edar-miliki-143-pokok-ganja-diarah-jalani-pengawasan-mental</a>	Utusan Borneo	Neutral

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

## KABINET BINCANG NASIB ANAK ASUHAN GISBH MINGGU DEPAN

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) akan membincangkan nasib 572 anak asuhan GISB Holdings Sdn Bhd (GISBH) yang diselamatkan pihak berkuasa daripada premis berkaitan organisasi berkenaan.

Menterinya, Nancy Shukri berkata isu berkenaan turut melibatkan kementerian lain.

"Mereka kini berada di rumah selamat dan sihat. Cuma apa langkah seterusnya (yang perlu diambil).

"Jadi, kita akan kemukakan dalam mesyuarat kabinet mengenai tindakan kita seterusnya kerana ia bukan hanya untuk kita merancang tetapi ia juga melibatkan kementerian lain seperti KPM (Kementerian Pendidikan), Jakim (Jabatan Kemajuan Islam Malaysia) dan juga PDRM," katanya kepada pemberita pada majlis di Pantai Dalam, Kuala Lumpur, hari ini.

Katanya, kementerian akan mengemukakan cadangan jangka pendek, sederhana dan panjang mengenai masa depan kanak-kanak berkenaan.

Untuk rekod, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) membuka 11 rumah selamat untuk 572 mangsa kanak-kanak yang diselamatkan dalam Op Global setakat ini.

Kementerian perlu dua bulan

Mengulas lanjut, Nancy juga berkata kementerian masih menunggu keputusan mahkamah berkaitan.

"Pada masa ini kami perlu menunggu sehingga dua bulan sekurang-kurangnya tahu apa keputusan mahkamah.

"Tetapi, kami sedang menyediakan cadangan kepada kabinet. Perkaranya ialah kita perlu melihat keputusan apa yang pihak berkuasa perolehi kerana sebahagian daripada mereka diindoktrinasi agak mendalam.

"Kanak-kanak ini juga dari kumpulan umur yang berbeza dan perlu dibimbing oleh pelbagai pihak berkuasa terutamanya pakar daripada pelbagai bidang," katanya.

Katanya, KPWKM sedang bekerjasama rapat dengan Kementerian Kesihatan untuk melihat keadaan kesihatan mereka selain Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) untuk meneliti identiti mereka kerana sesetengah daripada mereka tidak ada dokumentasi.

"Kami akan melihat apa yang terbaik untuk mereka dan juga ingin memastikan mereka belajar. Kita tidak boleh membuat mereka tidak ada akses pendidikan untuk tempoh yang lama.

"Jadi, ini adalah beberapa perkara yang perlu kita pertimbangkan apabila kita membuat rancangan untuk masa depan dan kemungkinan besar kita akan meletakkan cadangan kita pada minggu depan," tambahnya.

Ketika menjawab satu lagi soalan berhubung kerjasama KPWKM dan polis dalam memantau rumah amal yang lain bagi mencegah perkara ini berulang, Nancy meminta semua pihak memberi ruang kepada polis menjalankan tugas.

"Sebenarnya polis melakukan tugas mereka.

"Kemudian, kementerian kami hanya akan terlibat jika ia melibatkan kanak-kanak," katanya.

## **BANJIR DI KEDAH MAKIN PULIH, 1, 885 MANGSA DI PPS**

Alor Setar: Banjir di Kedah semakin pulih apabila hanya 1,885 mangsa daripada 593 keluarga masih ditempatkan di pusat pemindahan sementara (PPS) setakat 8 pagi ini, berbanding 2,366 orang daripada 736 keluarga, malam tadi.

Menurut laporan Info Bencana Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), kesemua mangsa terbabit ditempatkan di 18 PPS di tiga daerah iaitu Pendang, Kota Setar dan Pokok Sena.

Pendang mencatatkan jumlah mangsa tertinggi apabila terdapat 1,216 orang daripada 365 keluarga ditempatkan di 10 PPS.

Ia diikuti Kota Setar sebanyak 605 mangsa daripada 203 keluarga di tujuh PPS, dan Pokok Sena pula masih terdapat satu PPS dibuka yang menempatkan 64 mangsa daripada 25 keluarga.

Setakat semalam, sebanyak 4,769 mangsa mendaftar keluar dari PPS.

Sementara itu, berdasarkan laman web Public Infobanjir Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), aras air di Sungai Anak Bukit di Jambatan TAR, Kota Setar berada pada paras amaran iaitu 1.58 meter.